# Melayu terokai penerbangan ibadah bersama MAB

**SELAK**
**HASSAN MOHD. NOOR**
selak@utusan.com.my

SETIAP tahun, jumlah jemaah umrah terus meningkat. Khabarnya tahun ini, kerajaan Arab Saudi mengeluarkan 4.3 juta visa bagi menunaikan umrah. Bagi rantau ASEAN, dianggarkan satu juta orang menunaikan umrah setiap tahun. Indonesia dan Malaysia pula dikatakan antara negara yang paling ramai jemaah umrah. Ini satu perkembangan yang baik, menunjukkan kekuatan ekonomi umat Islam di rantau ini untuk ke tanah suci bagi mengerjakan umrah. Jenguklah di KLIA Sepang, setiap hari ada sahaja jemaah umrah yang akan berlepas ke Jeddah atau Madinah. Bukan sahaja dengan kehadiran jemaah tempatan tetapi juga dari negara jiran, Indonesia yang menggunakan penerbangan dari KLIA. Semua ini satu perkembangan yang sihat kepada industri pelancongan khususnya berkaitan umrah. Turut akan mendapat manfaat ialah sektor penerbangan. Selain syarikat penerbangan sedia ada yang mengadakan perkhidmatan berkaitan termasuk dari luar negara, Malaysia Airlines Bhd. (MAB) yang mempunyai pesawat Airbus A380 dapat meningkatkan lagi segmen sewa khas pesawatnya. Secara tidak langsung langkah ini dapat membantu pemulihan semula syarikat itu.

MAB menyediakan pesawat manakala agensi pelancongan membekalkan pengguna/pelancong. Sebelum ini timbul spekulasi bahawa MAB akan mengambil langkah drastik untuk menjual semua enam pesawat A380 miliknya. Bagaimanapun MAB menafikan laporan tersebut. Pesawat A380 yang sebelum ini terbang ke London dan Paris mengandungi lapan kabin kelas pertama yang merupakan tempat tidur terluas, 66 tempat duduk kelas perniagaan dan 420 ekonomi. Berikutan peningkatan jemaah umrah, eloklah MAB meneruskan kerjasama sewa khas pesawat untuk beribadah khususnya di rantau ini. Dalam dua majlis yang *Selak* ikuti baru-baru ini berkaitan penerbangan ibadah umrah, terdapat peluang kerjasama bagi memanfaatkan pesawat milik MAB ini. Pertama, melalui Waqf Airlines, projek Perbadanan Wakaf Selangor dengan kerjasama agensi yang menawarkan pakej umrah.

IBRAHIM MAT SIN

RITHSMAN MOHAMED

Kedua, baru-baru ini MAB menandatangani memorandum perjanjian dengan Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. (Andalusia) dan Rayhar Travels Sdn. Bhd. bagi menyewa pesawat.

Menurut Ketua Pegawai Komersial MAB, Paul Andrew Simmons, kerjasama berkenaan membuka peluang kepada syarikat penerbangan membangunkan segmen perniagaan sewa khas bagi pasaran beribadah. Ini satu permulaan yang baik walaupun MAB tidak menjangka mencatat keuntungan sehingga 2018 tetapi sedikit-sebanyak, perniagaan sewa khas membantu meningkatkan prestasi kewangan syarikat. Apa yang lebih penting ialah keberanian agensi pelancongan seperti Andalusia menyewa pesawat khas di samping pesawat komersial sedia ada.

Menurut Pengarah Urusan Andalusia, Ibrahim Mat Sin, penyewaan A380 itu bukan sekadar mahu menyediakan perkhidmatan terbaik kepada jemaah melalui pengalaman MAB tetapi secara tidak langsung membantu pemulihan MAB, syarikat penerbangan kebanggaan negara ini. Tahun lalu, Andalusia yang sinonim dengan motto *Penyucian Jiwa Di Tanah Suci* telah menyewa 23 penerbangan dengan kos kira-kira RM30 juta. Pada musim akan datang (1438H), Andalusia menempah 53 penerbangan yang bernilai kira-kira RM72 juta.

Penerbangan ini melibatkan 24,150 tempat duduk yang dijadualkan berlepas ke Madinah dan Jeddah mulai 10 November 2016 hingga 6 Julai 2017. Baginya, Andalusia dan Rayhar amat menitikberatkan mutu perkhidmatan dan yakin Malaysia Airlines mampu memberikan perkhidmatan cemerlang. Keberanian syarikat bumiputera ini menyewa penerbangan menunjukkan pencapaian yang baik bagi bumiputera menguruskan jemaah umrah. Tahun ini, Andalusia menjangka menguruskan 60,000 jemaah umrah iaitu 20 peratus daripada 220,000 jemaah umrah Malaysia.

Berdasarkan beberapa faktor termasuk kemampuan, kesedaran ibadah, senarai panjang menunggu ibadah haji, jumlah jemaah umrah akan terus meningkat. Situasi ini harus diambil oleh syarikat bumiputera untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan diyakini supaya tidak timbul lagi kes-kes tipu akibat sikap sesetengah pihak yang gagal menguruskan jemaah mereka. Mungkin kepincangan ini boleh diatasi sekiranya ada syarikat yang mampu menguruskan secara langsung penerbangan.

Diharapkan perjanjian bersama MAB ini akan memberi lebih keyakinan kepada jemaah mengenai kesediaan agensi menguruskan penerbangan. Tidak timbul lagi isu terkandas akibat ketiadaan pesawat. Selain MAB, Andalusia juga menggunakan pesawat milik AirAsia, Emirates, Saudi Arabian dan Etihad. Jelaslah, MAB mempunyai peluang lebih besar untuk menggandakan penerbangan ibadah ini melalui sokongan dan kerjasama syarikat bumiputera yang mengendalikan pakej umrah serta haji setiap tahun. Di samping itu, melangkah lebih jauh dalam penerbangan ibadah ini ialah Eco Riths Travel and Tour Sdn. Bhd. dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor yang bercadang mewujudkan Waqf Airlines. Syarikat penerbangan patuh syariah ini dijangka dilancarkan pada November ini. Berbeza dengan Rayani Air yang sedang bergelut dengan masalah penggantungan, Waqf Airlines lebih fokus kepada pengangkutan untuk umrah dan haji.

Ketua Pegawai Eksekutif Waqf Airlines, Rithsman Mohamed berkata, syarikat penerbangan itu akan menawarkan harga subsidi serta membantu keluarga yang kurang berkemampuan. Matlamatnya untuk menjadi syarikat penerbangan pertama yang dianugerahkan patuh syariah sepenuhnya dari segi operasi dan dana serta dipantau oleh lembaga syariah. Waqf Airlines juga merancang menyalurkan sedikit keuntungan ke Tabung Projek Kebajikan Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Tanggungjawab Sosial Korporat. Melalui Waqf Airlines ini, kos menunaikan umrah dan haji dijangka lebih murah. Lebih ramai yang berwakaf, kosnya menjadi semakin rendah. Sebagai permulaan, 500 tempat disediakan secara percuma kepada golongan asnaf menunaikan umrah. Inilah medan dakwah untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah. Difahamkan, dua pesawat MAB akan disewa.

Waqf Airlines ini juga akan merintis peluang menyediakan perkhidmatan kepada jemaah umrah di rantau ini seterusnya menjadikan KLIA hab penerbangan ibadah umrah. Bagi menjayakan misi ini, sekali lagi kerjasama erat dan kepercayaan MAB kepada syarikat bumiputera amat diperlukan. Semoga akan muncul syarikat bumiputera yang mampu menguruskan sepenuhnya penerbangan ibadah ini. Mungkin bakal memiliki pesawat sendiri.